



KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	13/7/2018	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Perhilitan Negeri Sembilan pindahkan tiga ekor gajah liar

KUALA PILAH 12 Julai - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri mengambil masa kira-kira enam jam bagi memindahkan tiga ekor gajah liar ke Taman Negara semalam.

Operasi tersebut melibatkan seekor gajah betina dan dua ekor anaknya yang ditangkap di Kampung Parit Mungkal, Tanjung Ipoh di sini Jumaat lalu.

Pengarah Perhilitan negeri, Wan Mat Wan Harun berkata, seramai 30 anggota Perhilitan dari negeri ini dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK)

Kuala Gandah, Pahang terlibat dalam operasi berkenaan.

Beliau berkata, tiga ekor gajah itu dikesan selepas penduduk membuat aduan pada bulan lalu berhubung ancaman gajah liar yang masuk ke kampung dan memusnahkan pokok kelapa sawit dan getah.

"Gajah dewasa berumur 30 tahun dan dua anak gajah betina berusia antara lima hingga enam tahun itu telah ditangkap pada Jumaat lalu.

"Operasi menarik keluar gajah liar dari kawasan hutan dibuat dengan bantuan dua ekor gajah

denak dari PKGK iaitu 'Rambai' dan 'Abot' yang seterusnya membawa gajah-gajah itu ke atas lori sebelum dihantar ke Taman Negara," katanya di sini.

Wan Mat berkata, gajah liar itu sebelum ini dipercayai mendiami kawasan hutan simpan Kenaboi, Pelangai, Triang dan Temasol di Banjaran Titiwangsa.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Luar Bandar negeri, Ismail Ahmad melahirkan penghargaan terhadap usaha Perhilitan menangkap dan memindahkan gajah tersebut.



KAKITANGAN Perhilitan melakukan kerja-kerja memindahkan tiga ekor gajah liar ke Taman Negara di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, semalam.